

Program sosial tingkat jati diri belia

S4 29/07/08 pg. T6

■ NURUL HUDA HUSAIN

GEMURUH - Penglibatan dalam program kepimpinan dan kemasyarakatan merupakan proses awal melahirkan golongan belia yang memiliki jati diri serta kemampuan dari segenap sudut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tepoh, Muhammad Ramli Nuh, berkata, hasrat kerajaan melahirkan modal insan cemerlang akan mewujudkan sasaranannya sekiranya perkara berkenaan diamalkan semua pihak.

"Dengan melibatkan diri dengan aktiviti sebegini juga ia bukan sahaja dapat memupuk semangat saling bekerjasama dan prihatin, sebaliknya dapat menilai kekuatan serta kemampuan yang dimiliki seseorang individu itu.

"Belia seharusnya sedar melalui penglibatan dalam aktiviti sedemikian juga ia dapat menjauhkan mereka daripada terjebak dalam sebarang perkara tidak diingini serta peluang untuk menjalin perhubungan dengan



Muhammad Ramli (empat dari kiri) bergambar kenangan dengan anak angkat dari UMT di Kampung Gemuruh, Tepoh, semalam.

masarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Rakan Muda Wawasan Desa Institut Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Daerah Kuala Terengganu (UMT), peserta ditempatkan di 18 buah keluarga angkat masing-masing bagi merasai kehidupan masyarakat di situ selama

di sini, semalam.

Sementara itu, dalam program yang melibatkan 47 pelajar dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), peserta ditempatkan di 18 buah keluarga angkat masing-masing bagi merasai kehidupan masyarakat di situ selama

empat hari tiga malam.

"Segulung ijazah tidak akan memberi apa-apa makna jika pelajar tidak mempunyai sifat untuk bercampur serta melibatkan diri dalam aktiviti sebegini sebab ia tidak sekaliakan diperoleh dalam bilik kuliah.

"Saya berharap agar hubungan silaturahim yang terjalin kini tidak akan terputus di sini sahaja, sebaliknya kunjungan anda semua (pelajar) amat dialu-alukan pada masa hadapan untuk mengeratkan hubungan yang sedia terjalin," katanya.